



SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) BATU ARANG, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 17 September 2024 – YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Program Residensi Rakyat (PRR) Batu Arang, Labuan bertempat di tapak Perumahan Batu Arang, Labuan pagi ini. Majlis ini turut dihadiri oleh penduduk setempat dan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Menerusi “Belanjawan 2024: Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat”, Kerajaan Persekutuan memberikan tumpuan kepada inisiatif penyediaan rumah mampu milik dan pakej sokongan berkaitan pemilikan kediaman khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Semasa pengumuman Belanjawan pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM546 juta bagi pelaksanaan Program PRR dengan 5,100 unit rumah baharu bakal disediakan. Jumlah bilangan unit ini meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 12,400 unit kediaman.

Sejak Program Perumahan Rakyat (PPR) atau penjenamaan semula program ini kepada Program Residensi Rakyat (PRR) ini diperkenalkan pada tahun 1998, sebanyak 166 projek yang melibatkan 104,081 unit rumah telah siap dibina di seluruh negara. Manakala, 16 projek dengan kapasiti 5,823 unit rumah sedang dalam peringkat pembinaan dan sebanyak 22 projek yang meliputi 7,267 unit dalam perancangan. Pelaksanaan 204 projek PRR ini telah dan akan memberi manfaat yang besar kepada 117,171 buah keluarga yang terdiri daripada golongan B40.

Pada masa ini PRR Batu Arang merupakan projek pertama di Wilayah Persekutuan Labuan dan ia merupakan usaha murni Kerajaan di dalam menyediakan perumahan kepada

Keluarga Malaysia khususnya di Wilayah Labuan.

Majlis Penyerahan Kunci PRR Batu Arang ini diadakan sebagai simbolik bagi pembinaan perumahan rakyat yang siap dan telah diserahkan kepada penduduk tempatan. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM119 juta bagi membangunkan PRR Batu Arang. Projek yang dibangunkan di atas tanah seluas 7.96 ekar ini bakal menyediakan 500 unit rumah pangsa berkeluasan 700kps. Ia turut dilengkapi kemudahan seperti Taska, Tadika, Dewan Serbaguna, Surau dan Unit Kedai dan Gerai untuk kemudahan penduduk setempat dan kawasan sekitar.

Projek PRR Batu Arang ini berkonsepkan kawasan kejiranan perumahan moden yang selesa dan selamat. Setiap unit rumah dilengkapi tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu, ruang makan, dapur dan langkan (yard). Bagi memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak diketepikan, Projek PRR Batu Arang ini turut menyediakan 5 unit rumah bagi memenuhi keperluan golongan ini.

Seiring dengan agenda Malaysia Madani, pembinaan PRR Batu Arang ini akan mengambil kira elemen seperti keterhubungan dan akses internet seperti *fibre to the home* (FTTH), jaringan hubungan pengangkutan awam serta reka bentuk yang lebih ekonomik dan lebih selesa. Kerajaan amat komited di dalam memastikan hala tuju perumahan untuk rakyat sentiasa diberi keutamaan, diberi nilai tambah dan memenuhi aspek berdaya huni.

Turut hadir, Simsudin bin Sidek, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan; Haji Suhaimi bin Ali @Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; Mohd Sharif bin Mohamad Yaakob, Pengarah Bahagian Sosio Ekonomi, Jabatan Wilayah Persekutuan; dan YBhg. Dato' Sri Liew Shan Wen, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan.

Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bersiap siaga untuk melaksanakan inisiatif untuk menyediakan kemudahan perumahan mampan, terancang dan inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan berkelayakan. Antara program perumahan di bawah KPKT bagi golongan B40 adalah Program Residensi Rakyat (PRR) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Manakala, perumahan mampu milik bagi golongan M40 adalah Kediaman SPNB dan Perumahan PR1MA.

Dalam usaha menggalakkan pemilikan kediaman, Kerajaan juga telah memperkenalkan *Home Ownership Campaign* atau HOC 2.0 iaitu pengecualian duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pembiayaan bagi pembeli rumah pertama. Pengecualian duti setem ini bermula dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2025 iaitu pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus untuk rumah berharga RM500 ribu ke bawah.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/ agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my*

